

RAIS antara perajurit negara yang memerangi penganas komunis.



KERINGAT, DARAH INI DEMI IBU PERTIWI

Detik hitam 35 pegawai, anggota PPH diserang komunis di Kroh Betong, Perak



Oleh Mohamad Fahd Rahmat
am@hmetro.com.my




Kluang

“A bah pernah berkata, orang dahulu berkorban nyawa untuk mendapatkan kemerdekaan, generasi hari ini tak pernah rasa dan dia melihat 16 mayat rakan sepasukan bergelimpangan depan mata ditembak penganas komunis,” kata Mohd Azham Rais, 43.


Mohd Azham berkata, Allahyarham ayahnya, Rais Sukimi, 80, meninggal akibat

kena serang hendap di situ.

“Kejadian berlaku kira-kira jam 5.30 petang dan mengikut maklumat, penganas komunis sebenarnya sudah lama menunggu di kawasan itu kerana pemeriksaan mendapati terdapat ke-



GAMBAR bertarikh 27 Jun 1968 menunjukkan Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak Hussein melawat Rais di Rumah Sakit Umum di Ipoh, Perak.



ALLAHYARHAM Rais dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian Negeri Pahang pada 24 Oktober 1982.

sakit jantung pada 20 Mei lalu yang ketika hayatnya selalu berkongsi detik hitam apabila 35 pegawai dan anggota Pasukan Polis Hutan (PPH) diserang hendap komunis pada 17 Jun 1968 di Kroh Betong, Perak.

“Abah ketika itu dalam perjalanan untuk memberi bantuan sokongan selepas mendapat maklumat penganas komunis ingin menyerang pangkalan polis hutan di sempadan Kroh. Abah dari Ulu Kinta hantar pasukan sokongan, dalam perjalanan ke sana sebaik tiba di satu selekoh, mereka

san tempat tak dan membuang najis di sekitar bukit di situ.

“Mereka sudah berada di sana kira-kira seminggu dan penganas komunis tahu polis akan lalu di situ,” katanya ketika ditemui di kediamannya di Taman Sri Lambak di sini, baru-baru ini. Hadir sama, Yang Dipertua Persatuan Pesara Polis Negeri Johor Cawangan Kluang, Jaafar Abu Bakar.

Anak ketiga daripada lima beradik itu berkata, ketika kejadian, penganas komunis menjadikan tiga bukit di selekoh tajam berkenaan sebagai kubu menyebabkan serangan balas menjadi sukar.

“Konvoi mereka disertai empat kenderaan iaitu Land Rover, Trak Unimog dan dua trak tiga tan. Abah kata, sampai di lokasi

berkenaan tak semena-mena konvoi mereka dihujani peluru musuh.

“Abah dan rakan lain melompat turun dan mencari tempat berlindung sebelum menyerang balas hinggalah mereka satu persatu gugur selepas dihujani peluru.

“Ada seorang sahabat yang berada bersebelahan abah terkena peluru di kepalanya dan sebelum meninggal dia sempat berkata, ‘Allah ambo terkeno’ sebelum rebah.



MOHD Azham (kiri) bersama ibunya, Fatimah serta Jaafar melihat gambar kenangan arwah Rais.

“Ketika keadaan sudah sepi, penganas ingin menyalakan petrol yang bocor dari trak polis, tetapi tidak sempat kerana mereka bergegas melarikan diri,” katanya.

Mohd Azham berkata, atas jasa dan pengorbanan, pangkat terakhir ayahnya adalah ketua inspektor dan pegawai penyasat di Balai Polis Sentral Johor Bahru serta pernah menerima Pingat Jasa Pahlawan Negara daripada Menteri Besar Johor Datuk Osman

Sapian pada 29 Julai 2018 selain Pingat Jasa Kebaktian Negeri Pahang pada 24 Oktober 1982.

Katanya, arwah ayahnya juga adalah individu yang berjaya menemui bekas Menteri Luar Negeri, Allahyarham Tun Mohd Ghazali Shafie dalam kampung Janda Baik, Pahang, selepas pesawat Cessna 206 yang dipandunya terhempas dan mengorbankan pengawal peribadi serta pembantu juruterbangnya pada 10 Januari 1982.

“**Ayah amat berharap kisah serangan komunis ini dijadikan iktibar Mohd Azham**”

“Arwah ayah amat berharap kisah serangan penganas komunis ini dijadikan iktibar kepada generasi hari ini dan masa depan supaya bersama-sama bersatu menjaga keamanan negara,” katanya.

Allahyarham Rais meninggalkan balu, Fatimah Ibrahim, 70, yang kini uzur kerana penyakit buah pinggang, jantung, kencing manis dan darah tinggi selain lima anak serta 10 cucu.

Dalam pada itu, Jaafar berkata, pihaknya menyampaikan bantuan khairat kemanusiaan kepada Fatimah manakala sumbangan bakul makanan pula daripada Yayasan Sultan Ibrahim Johor.



GAMBAR kenangan Allahyarham Rais (duduk dua dari kanan) bersama rakan setugas ketika dalam Pasukan Polis Unit Kawalan Kawasan, Manchis, Karak, Pahang.